

# Guna dana bencana sebagai subsidi insurans pertanian

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pakar insurans dan sekuriti makanan mencadangkan kerajaan menggunakan peruntukan tahunan disediakan bagi membantu petani, penternak, nelayan kehilangan hasil akibat bencana alam untuk menampung bayaran premium insurans bagi melindungi golongan sasaran itu.

Bagaimanapun, mereka berharap manfaat menerusi subsidi berkenaan tidak disalurkan sama rata, sebaliknya ditentukan berdasarkan keperluan setiap penggiat agrotani.

Kerajaan memperuntukkan RM80 juta di bawah Tabung Bantuan Bencana Agromakanan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMk-12) bagi membantu petani, penternak, nelayan yang kehilangan pendapatan akibat bencana alam.

# Cadang kerajaan sediakan subsidi

*Dari Muka 1*

Pensyarah Kanan Insurans, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Azitadoly Mohd Arif, berkata skim perlindungan insurans perlu menepati keperluan golongan sasaran, selain memastikan bayaran premiumnya tidak terlalu membebankan.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan kerajaan menyediakan subsidi bagi menanggung sebahagian pembayaran premium insurans, manakala selebihnya dibayar sendiri pesawah, petani dan nelayan.

“Skop perlindungan yang ditawarkan juga perlu menepati keperluan kumpulan sasaran dan premium yang dikenakan mesti mampu ditanggung petani, nelayan, penternak.

“Oleh kerana kerajaan memang mempunyai peruntukan (RM80 juta) bagi bencana alam membantu petani atau penter-

nak yang mengalami kerugian, adalah lebih sesuai jika kerajaan mengambil sebahagian peruntukan itu sebagai subsidi premium, selebihnya ditanggung petani sendiri,” katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas laporan akhbar ini semalam, desakan beberapa persatuan agrotani supaya kerajaan menyegerakan skim perlindungan insurans khusus untuk petani, penternak dan nelayan yang berdepan risiko kerugian serta hilang pendapatan akibat bencana alam seperti banjir, kemarau, selain serangan penyakit.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dilaporkan berkata ketiadaan insurans pertanian menyebabkan kerajaan terpaksa memperuntukkan sebanyak RM80 juta di bawah Tabung Bantuan Bencana Agromakanan dalam RMk-12 bagi membantu petani, penternak, nelayan yang kehilangan pendapa-

tan akibat bencana alam.

Ketua Laboratori Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Shaufique Fahmi Ahmad Sidique, berkata peranan kerajaan penting dalam menyalurkan subsidi bertujuan menampung bayaran premium supaya ia tidak terlalu membebankan petani, nelayan dan penternak.

Justeru, beliau bersetuju sekiranya kerajaan menggunakan peruntukan RM80 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMk-12) dalam Tabung Bantuan Bencana Agromakanan untuk disalurkan sebagai subsidi insurans.

“Namun, saya tidak pasti sama ada peruntukan itu mencukupi bagi menampung sebahagian premium insurans buat petani, nelayan dan penternak yang ramai di negara ini.

“Pertama sekali, kerajaan memerlukan maklumat berapa ramai petani, nelayan dan penter-

nak di negara ini, termasuk butiran lain seperti jenis risiko dihadapi, jenis aktiviti pertanian, lokasi, luas tanah, hasil dan faktor lain.

“Skim insurans kena ada ramai peserta baru syarikat insurans berani untuk terbabit sama. Kerajaan kena pastikan semua kena beli premium.

“RM80 juta nampak memang tak cukup dan semua pihak berkaitan kena duduk berbincang berdasarkan data yang diperoleh,” katanya.

Pensyarah Jabatan Perniagaan dan Ekonomi Biosumber UPM, Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin, pula berkata bukan semua petani, penternak dan nelayan memerlukan bantuan subsidi sama rata daripada kerajaan.

Beliau berkata, kerajaan perlu menjalankan kaji selidik bagi memperoleh maklumat tepat supaya dapat menentukan ‘tahap’ subsidi diperlukan mereka.